

LTAPP dinaiki air, 14 penerbangan terpaksa ditunda sejam

BALIK PULAU - Sebanyak 14 penerbangan tambang murah terpaksa ditunda berikutan seluruh kawasan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) di Bayan Lepas di sini dilimpahi air dalam kejadian banjir kilat petang semalam.

Pengurus Kanan Malaysia Airport Berhad (MAB) negeri, Mohd. Ariff Jaafar berkata, kesemua penerbangan itu membatalkan 10 penerbangan di Balai Ketibaan dan empat di Balai Berlepas.

"Kesemua penerbangan terpaksa ditunda selama sejam berikutan banjir kilat dan angin kuat yang



KEADAAN banjir kilat di dalam kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTAPP) setelah hujan lebat di Bayan Lepas semalam.

berlaku semasa itu. Kesemua penumpang yang terjejas masing-masing sudah dimaklumkan terlebih dulu.

"Kita dapati, air mula

naik setinggi 60 milimeter (mm) mulai pukul 3 petang tadi (semalam) dan 80mm selepas sejam kejadian banjir berlaku.

Bagaimanapun, kead-

aan air mula surut sekitar pukul 5 petang hari sama," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini.

Beliau memberitahu, kejadian banjir kilat turut menjejaskan beberapa kawasan tumpuan seperti di dalam pekarangan Balai Ketibaan dan laluan utama keluar dan masuk perkhidmatan awam.

Selain itu, turut terjejas adalah di bahagian laluan perkhidmatan penerbangan LTAPP.

Difahamkan, dianggarkan sebanyak 12 kejadian banjir kilat dilaporkan berlaku di LTAPP sejak tahun tahun 2013 hingga penghujung tahun lalu.